


## Panduan Pendekatan Berasaskan Risiko (RBA)

RBA adalah proses mengenal pasti, menilai dan memahami pendedahan firma anda terhadap risiko pengubahan wang haram/ pembiayaan keganasan (ML/TF) dan mengambil langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan keganasan (AML/CFT) yang munasabah dan wajar dengan berkesan dan cekap untuk mengurangkan dan mengurus risiko tersebut.



**Nota:** Sila rujuk Perenggan 10 Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditetapkan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFIs) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFIs)

## Faktor Risiko untuk Pemprofilan Risiko dan Penilaian Risiko Tahap Institusi

Faktor risiko yang perlu dipertimbangkan untuk pemprofilan risiko dan penilaian risiko tahap insituti pada umumnya adalah serupa. Perbezaannya ialah pemprofilan risiko melihat pada pelanggan secara individu, manakala penilaian risiko tahap insituti melihat risiko firma/ perniagaan secara keseluruhan.



### PEMPROFILAN RISIKO

#### Risiko pelanggan

- Individu yang mempunyai pengaruh politik (PEP)
- Pelanggan bernilai bersih tinggi (*high net worth customer*) contohnya pelanggan dengan aset nilai bersamaan atau melebihi RM3 juta
- Kewarganegaraan
- Pelanggan dengan struktur perniagaan yang besar dan kompleks
- Penglibatan pemegang saham/ pengaruh penama
- Sebarang maklumat negatif mengenai pelanggan misalnya penglibatan dalam penyiasatan atau mempunyai rekod jenayah

#### Risiko produk/ perkhidmatan

- Produk/ perkhidmatan membenarkan produk / perkhidmatan tanpa nama
- Nilai/ jumlah/ jenis produk/ perkhidmatan tidak sepadan dengan profil pelanggan
- Melibatkan perkhidmatan penama
- Melibatkan transaksi kompleks dan luar biasa

#### Risiko kedudukan geografi

- Pelanggan yang berkaitan dengan atau berasal dari negara-negara berisiko lebih tinggi (seperti dinyatakan oleh FATF atau Kerajaan Malaysia)
- Lokasi perniagaan

#### Risiko transaksi/ saluran penyampaian

- Tanpa bersemuka
- Transaksi rentas sempadan
- Melibatkan kaedah pembayaran yang rumit dan luar biasa
- Penglibatan pihak ketiga yang tidak diketahui untuk pembayaran



### PENILAIAN RISIKO TAHAP INSTITUSI

#### Risiko pelanggan

- Apakah pendedahan firma anda terhadap pelanggan yang berisiko lebih tinggi **secara keseluruhan**?

#### Risiko produk/ perkhidmatan

- Apakah pendedahan firma anda terhadap risiko produk/ perkhidmatan **secara keseluruhan**?

#### Risiko geografi

- Apakah pendedahan firma anda terhadap risiko kedudukan geografi **secara keseluruhan**?

#### Risiko transaksi/ saluran penyampaian

- Apakah pendedahan firma anda terhadap risiko saluran transaksi/ penyampaian **secara keseluruhan**?

#### Contoh-contoh tambahan faktor risiko :

- **Saiz perniagaan:** Firma bersaiz lebih besar dan berstruktur rumit terdedah kepada risiko ML/TF yang lebih tinggi
- **Risiko yang dikenal pasti melalui NRA:** Pendedahan kepada pelanggan dari sektor yang berisiko ML/TF yang lebih tinggi

CONTOH-CONTOH FAKTOR RISIKO

Penafian:

Dokumen ini adalah untuk maklumat umum anda sahaja. Dokumen ini tidak mengandungi nasihat atau maklumat lengkap yang berkaitan perkara di atas dan juga tidak boleh digunakan sebagai pengganti kepada nasihat undang-undang. Sekiranya maklumat dalam dokumen bercetak rasmi Bank Negara Malaysia atau mana-mana Akta berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini, maklumat dalam Akta tersebut dan dokumen rasmi adalah diutamakan dan diterima pakai.